

NO SOALAN: 159

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
[LIBARAN]**

TARIKH : 10 JUN 2014

RUJUKAN : 6840

SOALAN:

DATUK JUSLIE BIN AJIROL [Tenom] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kita mempunyai Advanced Passenger Screening System (APSS) yang mana sistem ini mempunyai jaringan maklumat komprehensif yang akan menghubungkan semua pintu-pintu masuk sempadan negara dengan sistem berkaitan pengembara yang diperolehi dari serata dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Advanced Passenger Screening System (APSS) adalah merupakan satu sistem saringan (screening) awal yang akan digunakan terhadap kesemua pengembara yang akan memasuki sempadan negara Malaysia melalui semua pintu-pintu masuk negara.

Sistem seumpama APSS telah dilaksanakan di beberapa buah negara lain seperti Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Afrika Selatan, Qatar, Arab Saudi, Emiriyah Arab Bersatu, Oman, Korea Selatan, Taiwan, Jepun, Australia, Thailand dan beberapa negara maju di dunia.

Jabatan Imigresen Malaysia melalui Kementerian Dalam Negeri sedang dalam proses untuk melaksanakan sistem ***Advanced Passenger Screening System (APSS)*** bagi kegunaan Jabatan Imigresen Malaysia bertujuan untuk mengawal kemasukan warga asing ke Malaysia dengan saringan lebih awal.

Perbincangan mengenai pelaksanaan ***Regional Movement Alert System (RMAS)*** dan APSS telah diadakan bersama dengan Kerajaan Australia pada 9 dan 10 April 2014. Satu bengkel berkaitan untuk mendalami kaedah pelaksanaan terbaik telah diadakan pada 27 dan 28 Mei 2014 bertempat di Pullman Putrajaya dengan Kerjasama Pihak Kerajaan Australia. Bengkel tersebut

telah membincangkan tentang kaedah pelaksanaan RMAS dan APP seperti yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Australia.